



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SMS berjudul 'Minta Perbadanan Putrajaya ambil tindakan...' yang disiarkan melalui segmen Nasional, Berita Harian pada 15 April 2010.

PPj ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan pihak tuan melaporkan masalah ini. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa PPj tidak dapat mengambil tindakan sekiranya kenderaan-kenderaan tersebut diletak di kawasan parking Kuarters Kerajaan atau Rumah Mampu Milik kerana kawasan tersebut merupakan milik persendirian. Justeru, tiada akta yang membolehkan pihak PPj berbuat demikian. Perkara tersebut wajar dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 16 April 2010

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Nasional
M/s : 41
Tarikh : 15 April 2010

MINTA Perbadanan Putrajaya
ambil tindakan. Banyak
kendaraan kontraktor terutama
lori dan van diletakkan di
kawasan kuarters pada waktu
malam dan hujung minggu.
- [Y2K]:BHA31990]